

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RPK 231 - Teori Dan Amalan Perancangan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan: Soalan 1 adalah wajib. Jawab dua daripada Bahagian A dan dua daripada Bahagian B.

1. Huraikan dengan jelas:

- (a) Makna Perancangan Bandar dan objektif-objektifnya bagi menjayakan perancangan bandar yang 'ideal'.
- (b) Apakah prinsip-prinsip utama di mana perancangan bandar moden diasaskan.

(20 markah)

Bahagian A (jawab dua soalan)

2. Jelaskan apakah keperluan-keperluan asas bagi sesebuah bandar baru yang dapat memberi keselesaan kepada komuniti dan apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tataturnya?

(20 markah)

3. Huraikan dengan memberi lakaran tentang teori-teori berkaitan dengan Pola Guna Tanah dan nyatakan bagaimana perkembangan rangkaian perhubungan pengangkutan mempengaruhi kemajuan sesebuah tempat?

(20 markah)

4. Terangkan jenis-jenis ruang lapang yang perlu diuntukkan dalam skima perancangan bandar. Nyatakan kepentingan ruang lapang dengan memberi andaian terhadap bilangan penduduk mengikut jenis ruang lapang yang diperlukan.

(20 markah)

...2/-

Bahagian B (jawab dua soalan)

5. Huraikan dengan jelas proses perancangan yang diamalkan dalam penyediaan Rancangan Pemajuan:

- (a) Rancangan Struktur
(b) Rancangan Tempatan

Kenapa penyertaan awam itu penting dalam proses penyediaan rancangan tersebut?

(20 markah)

6. Buat penilaian ke atas ketidakseimbangan aktiviti-aktiviti pembangunan pada masa kini di Malaysia. Apakah yang menjadi kebimbangan kepada perancang-perancang bandar berkaitan dengan perkembangan tersebut dan mengapa?

(20 markah)

7. Apakah peranan terpenting yang dimainkan oleh perancang-perancang bandar dalam sesuatu Pihak Berkuasa Perancang Tempatan?. Sejauh manakah peranan-peranan ini berubah sejak 1976?

(20 markah)

00000000